Alkitab untuk Anak-anak memperkenalkan

# Kelahiran Tuhan Yesus



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes

Digambar oleh: M. Maillot dan Alastair Paterson

Disadur oleh: E. Frischbutter; Sarah S.

Diterjemahkan oleh: Julie TY

Dihasilkan oleh: Bible for Children
www.M1914.org

©2020 Bible for Children, Inc.
Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.


Lama dahulu, Allah telah mengutus malaikat Gabriel kepada seorang gadis manis muda Yahudi yang bernama Maria.

Malaikat itu berkata kepada Maria, "Anda akan mempunyai seorang anak lelaki dan memanggil NamaNya Yesus.




Beliau akan dipanggil Anak Allah yang Maha Tinggi. Dia akan memerintah selama-lamanya."

"Bagaimana ini boleh terjadi?" gadis itu bertanya. "Saya masih anak dara."



Malaikat memberitahu
Maria bahawa anak itu
akan datang dari
Allah. Tidak
akan ada
seorang
bapa
manusia.



Malaikat kemudian memberitahu Maria bahawa Elisabet sepupunya telah mengandung walaupun umurnya sudah lanjut.



Ini adalah satu keajaiban juga. Tidak lama selepas itu, Maria melawat Elisabet. Mereka memuji Allah bersama-sama.



Maria sebenarnya telah bertunang dengan seorang lelaki yang bernama Yusuf.



Yusuf sedih apabila dia mengetahui yang Maria telah mengandung. Beliau berpendapat lelaki lain ialah bapa kepada anak tersebut.



Di dalam mimpi, malaikat Tuhan berkata kepada Yusuf bahawa anak ini adalah Anak Allah. Yusuf hendaklah membantu Maria menjaga Yesus.



Yusuf percaya dan mentaati Tuhan. Dia juga taat kepada undang-undang negaranya.




Disebabkan oleh undang-undang baru,
dia dan Maria berangkat ke
kampung halaman mereka,
Bethlehem,
untuk membayar cukai mereka.


Di sana, tiba masa untuk Maria bersalin. Tetapi Yusuf tidak dapat mencari
bilik di mana-mana sahaja.


Semua rumah tumpangan telah penuh.


Yusuf akhirnya menjumpai sebuah bangsal. Di sana, bayi Yesus dilahirkan.


Ibunya meletakkan bayi itu di dalam palung, tempat di mana makanan haiwan diletak.


Berdekatan, gembala menjaga kawanan mereka. Malaikat Tuhan
muncul dan
memberitahu
mereka
tentang
berita baik
ini.


"Telah dilahirkan kepada anda hari ini di bandar Daud
Penyelamat
kamu,
Kristus
Tuhan.


Anda akan menemui Bayi itu berbaring di dalam palung."

Tiba-tiba, lebih banyak malaikat menyertai



malaikat tersebut, ...


… memuji Tuhan dan berkata,
“Terpujilah Allah di
langit yang
tertinggi!


Dan di atas bumi, sejahteralah
manusia yang menyenangkan
hati
Tuhan!"


Gembala-gembala pun tergesa-gesa ke bangsal. Setelah melihat Bayi tersebut, ...


… mereka memberitahu semua orang yang mereka bertemu tentang apa yang dikatakan oleh malaikat mengenai Yesus.



Empat puluh hari kemudian, Yusuf dan Maria membawa Yesus ke rumah Tuhan di Jerus-alem. Terdapat seorang lelaki yang bernama Simeon memuji Tuhan untuk Bayi itu, ...



... manakala Hana, satu lagi hamba Tuhan yang sudah berusia, memberi syukur kepada Tuhan. Kedua-dua tahu Yesus adalah Anak Allah, Penyelamat yang dijanjikan.



Yusuf mengorbankandua ekor burung. Ini adalah satu persembahan Taurat Tuhan apabila mereka yang miskin, membawa anak yang baru lahir kepada Tuhan.


Selepas itu, satu bintang khas membawa
beberapa orang kajibintang dari Timur ke Yerusalem.


"Di manakah Dia yang dilahirkan menjadi Raja orang Yahudi?" mereka bertanya. "Kami mahu menyembahNya."


Apabila Raja Herodes terdengar akan hal ini, dia berasa terkejut.

Beliau meminta ahli kajibintang memberitahu beliau apabila mereka menjumpai Yesus.



"Saya mahu menyembahNya, juga," kata Herodes. Tetapi dia berbohong. Herodes hendak membunuh Yesus.



Bintang khas itu membawa ahli-ahli kajibintang itu tepat ke sebuah rumah di mana Maria dan Yusuf tinggal bersama anak kecil tersebut.



Mereka sujud menyembah dan memberi Yesus emas, kemenyan dan mur.




Allah memberi amaran kepada ahli kajibintang supaya pulang tanpa pengetahuan
Herodes.


Herodes amat
marah dan mahu
membunuh Yesus
lalu memberi ...

... perintah supaya semua bayi lelaki di Bethlehem dibunuh.




Tetapi Herodes
tidak dapat
memusnahkan
Anak Tuhan!



Menerima amaran
di dalam mimpi,
Yusuf membawa
Maria dan
Yesus dengan
selamatnya

ke Mesir.



Apabila Herodes meninggal dunia,

Yusuf membawa Maria dan Yesus kembali dari Mesir.



Mereka tinggal di sebuah bandar kecil, Nazareth, berhampiran lautan Galilea.

# Kelahiran Tuhan Yesus

satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,

terdapat dalam

Matius 1-2, Lukas 1-2

“Bila tersingkap, firman-firman-Mu
memberi terang, memberi pengertian
kepada orang-orang bodoh.”
Mazmur 119:130


TAMAT

Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihi kita. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.

Jika anda percaya ini adalah benar,
katakan ini kepada Allah:
Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi. Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16